

Pengurangan kompaun tak ikut prosedur

LAPORAN Ketua Audit Negara 2009 mendedahkan wujud kes pengurangan kompaun ditawarkan kepada pendatang tanpa izin (PATI) yang ditangkap dalam operasi Jabatan Imigresen, diluluskan pegawai atasan tanpa melalui Jawatankuasa Rayuan Imigresen.

Mengikut pandangan Audit, pengurangan kompaun oleh pegawai atasan yang diberi kuasa di bawah Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 itu dikhuatiri boleh menyebabkan penyalahgunaan kuasa.

Ini kerana, Jabatan Imigresen pada 16 September 2008 mengeluarkan Surat Arahan Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2008 mengenai penubuhan jawatankuasa itu bagi menimbang rayuan pengurangan kompaun, tetapi pekeliing terdahulu memberi kuasa kepada pegawai atasan tidak dibatalkan.

Menurut laporan itu, semakan audit ke atas 1,050 daripada 35,566 kertas siasatan di pejabat dipilih mendapati, 346 kertas siasatan membatalkan 5,239 PATI tidak dapat dikemukakan untuk memo-

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2009

10 kementerian, 4 jabatan cemerlang urus kewangan

Prestasi keseluruhan bertambah baik berbanding pada 2008

KUALA LUMPUR: Sepuluh kementerian dan empat jabatan kerajaan mencapai tahap cemerlang dalam prestasi pengurusan kewangan pada 2009 dengan memperoleh 90 markah ke atas berbanding dengan hanya empat kementerian dan dua jabatan, tahun sebelumnya.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2009, yang dikeluarkan semalam, kementerian yang dinilai cemerlang ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Jabatan yang mendapat markah cemerlang pula ialah Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Sementara itu, 15 kementerian dinilai sebagai baik dalam prestasi pengurusan kewangan 2009 dengan memperoleh markah antara 80

Tiga jabatan memperoleh tahap memuaskan dalam pengurusan kewangan dengan markah antara 60 dan 70 bagi tahun 2009.

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat kementerian dan jabatan bagi 2009 bertambah baik berbanding 2008, kata laporan itu.

Semakan audit selanjutnya atas 25 kementerian mendapati secara umumnya, tiga daripada enam kawalan utama ada pada tahap cemerlang iaitu Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Terimaan manakala Kawalan Bajet, Pengurusan dan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta

kawalan utama kecuali Pengurusan Aset dan Stor mendapat tahap baik. Pengurusan Aset dan Stor hanya mencapai tahap memuaskan.

Laporan Audit itu turut mengesyorkan beberapa cadangan untuk memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan termasuk Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan membetulkan dan mencegah terhadap kelemahan dibangkitkan Jabatan Audit Negara dan mempertingkatkan pembabitkan pegawai pengawal dan ketua jabatan secara 'hands-on' dalam perkara ini.

Ia juga mengesyorkan tindakan surcaj atau tatatertib dikenakan terhadap mereka